

28/07/2001

Kepemimpinan Puteri Umno akan ditentukan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kepemimpinan Puteri Umno yang masih pada peringkat jawatankuasa penaja, akan ditentukan menerusi pemilihan peringkat cawangan dan bahagian mulai tahun depan.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata pemilihan itu boleh dilakukan selepas Puteri ditubuhkan secara rasmi.

"Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini bersetuju supaya kedudukan Puteri diteruskan sebagai jawatankuasa penaja sehingga akhir tahun ini," katanya selepas mesyuarat MT di sini, hari ini.

Beliau berkata, Umno akan terus berusaha menarik seramai mungkin golongan muda menyertai sayap baru itu.

Abdullah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Umno, berkata walaupun Puteri Umno hanya akan ditubuhkan secara rasmi tahun depan, ia tidak bermakna pergerakan itu tidak akan menjalankan sebarang aktiviti.

"Puteri Umno akan meneruskan kegiatan yang sudah dirancang termasuk meneruskan usaha menambah ahli," katanya.

Puteri Umno, yang kini dipimpin ketua penajanya Azalina Othman Said, dianggotai wanita berumur 35 tahun ke bawah manakala ketua penajanya di bawah umur 40 tahun.

Beberapa negeri sudah melancarkan penubuhan penaja Puteri tetapi ketuanya termasuk pada peringkat bahagian masih bertaraf jawatankuasa penaja.

Azalina selaku ahli MT turut hadir pada mesyuarat yang berlangsung selama kira-kira tiga jam yang dipengerusikan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Penubuhan Puteri Umno diluluskan oleh MT pada 10 Februari lalu yang antara lain bertujuan menarik lebih ramai golongan muda menyertai Umno.

(END)